

Tiada tangisan mengiringi ucapan Dr M

BA 2216/03

PERHIMPUNAN A&g Umno ke-54 menyaksikan buat kali terakhir Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden Umno semalam, berakhir dalam suasana yang tidak seperti dijangkakan banyak pihak.

Perhimpunan Agung Umno 2003 berakhir dalam suasana tenang dan terkawal. Tiada tangisan mengiringi ucapan Perdana Menteri mungkin kerana kebijaksanaan Dr Mahathir mengawal emosi ahli Umno dan dirinya sendiri.

Dr Mahathir menyampaikan kegembiraan, kesedihan, kekesalan, pesanan, amanat dan nasihatnya menerusi pantun 11 rangkap pada penghujung ucapannya.

Sepanjang ucapannya yang mengambil masa 70 minit, beliau kali ini dapat mengawal sebak, terutama ketika menyentuh mengenai nasib dan masa depan bangsa Melayu serta rakyat Malaysia keseluruhannya.

Namun, beliau tidak sekali pun menitiskan air mata berbanding perhimpunan lalu dan ketika menyampaikan ucapan dasarnya pada pembukaan perhimpunan.

Ahli Umno yang penuh sesak dalam Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), khusyuk mendengar ucapan Perdana Menteri. Mereka bertepuk tangan lebih 70 kali sepanjang ucapan Dr Mahathir.

Sepanjang ucapannya, hanya sekali Dr Mahathir meneguk air, iaitu ketika menyampaikan rangkap kelima pantun.

Sebaik selesai berucap, semua perwakilan dan pemerhati berdiri serta melaungkan 'Hidup Mahathir'. Ketika keluar dewan untuk menghadiri sidang akhbar, orang ramai berasak-asak untuk bersalam dengan Dr Mahathir.

Sementara itu, ruang legar PWTC di aras dua yang menempatkan skrin besar penuh sesak dengan orang ramai yang sabar menunggu sejak jam 3 petang untuk mendengar ucapan Dr Mahathir, kira-kira jam 6 petang.

Selain itu, orang ramai turut mengikuti ucapan Perdana Menteri menerusi skrin televisyen di aras empat dan lima, selain mene-

rusi laman web yang menyiarkannya secara langsung di gerai syarikat Time Communication Berhad dan Galeri Jatiwanita.

Anggota polis terpaksa berkawal di semua eskalator dan tangga bagi mengelakkan orang ramai daripada berpusu-pusu naik.

Orang ramai bersorak dan bertepuk tangan sebaik saja nama Dr Mahathir diumumkan bagi menyampaikan ucapan.

Secara keseluruhan, sepanjang ucapan Dr Mahathir, orang ramai yang berada di luar dewan bertepuk tangan sebanyak 42 kali, ketawa 24 kali dan bersorak 11 kali.

Mereka juga hanya beredar dari dari tempat duduk masing-masing apabila Dr Mahathir keluar dari dewan untuk menghadiri persidangan akhbar.